

Pematerian kerjasama UMS dan Universitas Pancar Sakti



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

APABILA pesawat kami menghampiri daratan Semarang, Jawa Barat yang terkenal dengan industri batiknya serta pertanian yang mengeluarkan bahan makanan untuk tanah Jawa, kelihatan buminya dihampiri oleh sawah padi yang sedang menguning emas, serta terdapat banyak kolam ikan yang memagari sawah bendang umpama kerawang emas yang menghiasi kebaya gadis sunti.

Bangunan terminal lapangan terbang Ahmad Yani yang sederhana besarnya kelihatan sangat menarik dengan rekabentuk peninggalan Belanda masih lagi utuh dan berfungsi serta menjadi tarikan pelancong yang sentiasa mengunjungi daerah Jawa Barat ini.

Dari jauh lagi bumbung keramik merah dan dinding bata buatan tempatan menggamit rombongan

penulis untuk menghayati dekorasi dalamannya yang dipadankan dari kraftangan serta kesenian asli tempatan.

Kami disambut oleh dua orang pegawai dari Universiti Depongoro, Semarang. Penulis dan rombongan terdiri dari Dekan Fakulti Kemanusiaan Seni Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Professor Ismail Ibrahim dan Dr Mohd Puad Bibet telah dibawa mengelilingi bandar Semarang yang tersergam indah serta menarik terutama sekali di Simpang Lima di mana terdapat Alun-Alun terdiri dengan megahnya bangunan lama Lawang Sewu dengan aliran senibina Dutch Rationalismenya terkenal pada abad kelapan belas di Eropah.

Lawang Sewu bermaksud seribu pintu, kerana bangunan tersebut mempunyai banyak pintu menjadikan bangunan yang terbesar pada masa itu di Indonesia.

Ini adalah sebuah bangunan peninggalan penjajah Belanda yang dibina pada tahun 1904. sebagai ibu pejabat keretapi Belanda di Indonesia. Bangunan yang mempunyai estetika senibina yang sangat unik di rantau ini menjadi salah satu tarikan pelancong yang sangat popular di bandar Semarang.

Alun alun adalah sebuah ruang lapang yang luas atau *public park*, biasanya berhampiran bangunan pentadbir atau pemerintah yang biasa dipanggil sebagai Walikota, masjid dan bangunan kerajaan

yang lain. Di padang Alun alun biasanya di hari minggu rakyat bertumpu mengadakan acara rasmi riadah dan hiburan.

Oleh itu terdapat pentas yang menghiasi di sekeliling alun alun di kawasan Simpang Lima.

Kota Semarang terkenal melalui lagu seperti Gambang Semarang dipopularkan oleh penyanyi Mus Mulyadi itu terdapat banyak istimewanya. Umpamanya di bandar metropolitan ini terdapat pengangkutan tradisional iaitu Bendi atau kereta kuda yang tidak terdapat di bandar lain.

Sedang kami terpegun melihat pelbagai karekna warga kota dengan kerjaya mereka di jalanan kami tertarik dengan arca serta seni bina yang begitu menonjol setiap pelosok kota.

Semarang juga adalah tempat kelahiran pelukis Raden Salleh, pelukis tersohor Indonesia dan terkenal di seluruh dunia, kota tersebut sebagai kota kelima terbesar di Indonesia maka kesibukannya sangat ketara sejak dari pagi hingga ke malam harinya.

Oleh sebab kami dijemput untuk memeterai perjanjian antara Universiti Malaysia Sabah dan Universitas Pancar Sakti, maka kami berpeluang mengelilingi kota serta dijemput sebagai tetamu Bupati atau pemerintah Semarang dan Tegal.

Sejarah Semarang yang pernah ditadbir oleh Kesultanan Solo masih tertanam dalam diri setiap rakyat tempatan sehinggalah masih dapat



PEMATERIAN Perjanjian Kerjasama di Universitas Pancar Sakti /UMS.

di kesan melalui budaya Keraton dan gelandangan yang sangat menyerlah.

Seperti kebiasaannya pada 17 Ogos, Indonesia menyambut tujuh puluh dua tahun hari ulang tahun kemerdekaan yang berslogankan Indonesia Bekerja Sama. Penulis berpeluang menyaksikan setiap pelosok kota dibanjiri raptai umum menyambut kemerdekaan dari setiap sudut kota, sama ada bangunan, jalan dan lorong dibanjiri poster, bendera berbagai-bagai rupa serta berpakaian beraneka budaya. Terdapat bendera merah putih membanjiri ruang manusia.

Peluang menyaksikan kemeriahan menyambut hari kemerdekaan di desa dan pedalaman apabila penulis dan rombongan menaiki keretapi ke bandar Tegal satu perjalanan yang menyeronokkan yang memakan masa selama tiga jam.

Sepanjang perjalanan penulis menyaksikan hiasan berwarna warni pelbagai rupa yang tidak putus putus sepanjang ratusan kilometer yang menunjukkan kebanggaan rakyat Indonesia pelbagai golongan terhadap kemerdekaan negara mereka.

Apa yang ingin diutarakan oleh penulis adalah terdapat kreativiti warga tempatan yang sangat tinggi dengan mencipta berbagai-bagai bentuk serta corak bendera yang menarik serta mengangkat semangat patriotik bangsa mereka. Walaubagaimanapun penyerlahan budaya kekaguman ini sudah lama berlaku jika disusuri sejarah masyarakat tempatan.

Sejak merdeka pemerintah Indonesia


membina pelbagai arca dan mercu tanda setiap simpang dan padang (Alun Alun) bagi mengenangkan perjuangan wira kemerdekaan mereka maka terdapat banyak arca serta tugu yang menyemarakkan perayaan mereka.

Di samping itu masyarakat tempatan tidak juga kurang hasil kraftangan yang terkenal di seluruh Nusantara. Antara lain ciptaan kain batik yang menjadi industri kraf antarabangsa negara tersebut terdapat di mana mana sehinggalah batik serta tekstil tempatan yang lain di angkat sebagai 'national branding' negara.

Bagi mengekalkan ketaatan rakyat, pemerintah sentiasa menghidupkan amalan *feudalisme* sebagai contoh amalan keraton sangat subur di jiwa rakyat tempatan. Ini diucapkan melalui seni, budaya dan kraftangan. Sebagai contoh pertunjukan wayang jawa, wayang golek, wayang kulit dan sebagainya adalah warisan bangsa diberikan perhatian utama sebagai contoh wali kota provinsi Tegal adalah pemain wayang kulit terkenal negara.

Penulis serta rombongan berpeluang menjadi tetamu khas beliau dan dapat menikmati pameran patung wayang di galeri dalam kawasan istana. Di ruang istana terdapat artifak bangsawan serta kesultanan Solo yang masih dipamerkan misalnya koleksi gamelan, patung patung wayang, kereta kuda pelbagai saiz dan juga kostum istana.

Pameran seperti ini sepatutnya diambil contoh di negara kita agar identiti bangsa dan penguatan



TOKOH Pembatik dari Universiti Pekalongan bersama Dekan FKSU/UMS.

semangat cintakan negara tidak luntur bukan sahaja sebagai tarikan pelancong bahkan sebagai pengucapan warisan bangsa.

Dalam pada itu tujuan dan objektif rombongan Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sudah terlaksana.


Dalam acara lawatan yang ringkas itu beberapa kejayaan tercapai di mana pematerian perjanjian kerjasama (LOI), mobiliti kakitangan dan jalinan antarabangsa berjaya dijalankan sebagai susulan kerjasama antara dua institut pengajian tinggi kedua buah negara.

Satu seminar telah dijalankan di mana sebanyak lapan belas buah kertas kerja telah dibicarakan dalam seminar bertajuk 'Demokrasi dan Memperbudayakan

Masyarakat Melalui Pembangunan Berkelanjutan' yang dibentangkan pensyarah Universiti Malaysia Sabah,, Universiti Pancar Sakti dan Universiti Depongoro di Dewan Pasca Siswazah Universiti Pancar Sakti Tegal, Jawa Barat.

Semoga usahasama dan program yang dijalankan oleh UMS serta institusi luar akan menjadi contoh kepada institusi lain dalam negara agar kerjasama dan jalinan hubungan akan memeriahkan lagi ilmu yang dapat dikongsi bersama bagi meningkatkan pencapaian serta kredibiliti institusi tempatan bagi menuju TN50.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



PENULIS bergambar di kereta kuda di kediaman wali kota Tegal.